

02 MAR 2000

MAHATHIR-JEPUN

DR MAHATHIR GESA JEPUN BUKA PINTU LEBIH LUAS LAGI

KUALA LUMPUR, 2 Mac (Bernama) -- Jepun perlu membuka pintu lebih luas lagi untuk menerima masuk lebih banyak produk daripada Asia Tenggara bagi membantu pemulihan ekonomi serantau, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

"Sebagai ekonomi utama Asia, kita mengharapkan Jepun yang semestinya memainkan peranan penting dengan memudahkan peluang memasuki pasarannya," katanya.

Beliau berkata adalah difahami semasa kemerosotan ekonomi dekad yang lalu Jepun tidak berupaya menjadi jentera pertumbuhan bagi negara ekonomi serantau dengan meningkatkan import daripada Asean.

Bagaimanapun, rantau ini berharap dengan ekonomi Jepun menunjukkan tanda-tanda pemulihan yang kukuh, syarikat-syarikat mereka boleh membantu pengeluar Asia Tenggara dengan meningkatkan import ke dalam pasaran Jepun, katanya dalam ucapan beliau pada seminar Pengurusan Asean di sini.

Kemudiannya, di persidangan akhbar, beliau berkata Jepun boleh melonggarkan prosedur dan beberapa halangan bukan tarif untuk membolehkan produk Malaysia dan Asean memasuki pasaran Jepun.

Beliau berkata Malaysia mengeksport banyak produk ke Jepun, "tetapi sebahagiannya dikeluarkan oleh syarikat Jepun sendiri."

Dr Mahathir berkata beliau berharap dapat melihat lebih banyak produk dikeluarkan oleh rakyat tempatan untuk memasuki pasaran Jepun.

Simposium itu dianjurkan oleh Dewan Perniagaan dan Perindustrian Malaysia (NCCIM), dengan kerjasama Overseas Technical Scholarship (AOTS) Jepun, Kansai Economic Federation (KANKEIREN), dan Pacific Resource Exchange Center (PREX).

Ia bertujuan meneliti keadaan dan masalah semasa yang perlu ditangani berhubung pembangunan sumber manusia daripada negara-negara Asean, membincangkan pembangunan sumber manusia pada masa depan yang boleh menyumbang kepada pembangunan mapan negara ekonomi Asean dan bagi mengukuhkan lagi hubungan Asean dan Jepun.

Dr Mahathir juga berkata dengan globalisasi dan revolusi teknologi maklumat yang sedang berlaku, negara-negara ekonomi yang muncul perlu dapat memenuhi keperluan besar pembinaan keupayaan dari segi sumber manusia.

"Cabaran K-ekonomi (ekonomi berasaskan pengetahuan), yang dipandu hebat oleh kepandaian maklumat dan teknikal yang mendatangi negara dan negara Asean yang lain, perlulah dihadapi secara berdepan jika kita mahu terus bersaing," katanya.

Perdana Menteri berkata "hanya dengan K-ekonomi pada tempatnya, baru negara-negara ini boleh meningkatkan keupayaan mereka bagi produktiviti yang tambah nilai.

"Oleh itu, bukan sahaja perlu menyediakan latihan bagi pengurusan atasan, adalah juga penting untuk mengisi jurang besar dalam ketersediaan kakitangan berkemahiran peringkat pertengahan dan rendah," katanya.

"Hanya setelah kita berjaya secara sistematik dalam meningkatkan kualiti buruh barulah kira boleh mencapai produktiviti ekonomi yang lebih tinggi," kata Dr Mahathir.

Beliau berkata KANKEIREN dan PREX boleh memainkan peranan positif dalam membantu ekonomi-ekonomi Asean berubah menjadi ekonomi didorong oleh pengetahuan.

Beliau juga berkata bagi ekonomi serantau sedang muncul, adalah perlu bagi Jepun membuka pintunya lebih luas lagi untuk menerima masuk lebih

produk daripada Asia Tenggara.

Bersama dengan Bantuan Rasmi Pembangunan (ODA) kerajaan Jepun, sektor swasta Jepun juga mempunyai pengalaman yang lama melibatkan diri dalam pembangunan ekonomi Asean, katanya.

Dr Mahathir berkata, "Seperti yang diketahui, perdagangan dan pelaburan syarikat-syarikat Jepun di negara-negara Asean telah berkembang dengan pesatnya sejak Asean ditubuhkan 33 tahun lalu."

"Walaupun banyak SME (perusahaan kecil dan sederhana) Jepun telahpun datang ke Asia Tenggara, Asean merasakan banyak lagi yang diperlukan untuk membantu SME yang baru tumbuh di Malaysia, Thailand, Vietnam dan negara anggota lain bagi meningkatkan pembinaan keupayaan kepada latihan kemahiran dan pemindahan teknologi."

Beliau berkata sementara PREX telah menjalankan program latihan bagi SME, KANKEIREN dengan keanggotaan kira-kira 850 perbadanan dan pertubuhan utama di wilayah Kansai Jepun, boleh menggalakkan lebih banyak SME Jepun untuk membantu perusahaan yang sama di Asia Tenggara dengan mengadakan usahasama dengan rakan kongsi Asean.

Dr Mahathir berkata: "Ini merupakan bidang-bidang kritikal yang Jepun boleh kukuhkan hubungan dengan negara-negara Asean."

Acara hari ini juga merupakan simposium bagi memperingati ulangtahun ke-20 seminar Pengurusan Asean KANKEIRAN yang turut diadakan sidang video sehari.

Ia bertemakan "Pembangunan Sumber Manusia dalam Abad ke-21 -- sumbangan kepada pembangunan mapan negara-negara Asean dan memperkukuhkan hubungan Asean/Jepun."

Sidang video sehari itu yang dilakukan melalui hubungan satelit antara Bangkok, Osaka dan Kuala Lumpur, juga disifatkan oleh Dr Mahathir sebagai satu pencapaian teknologi yang benar-benar menunjukkan kemajuan masa.

Beliau juga berkata Malaysia berpuas hati kerana KANKEIRAN telah memilih Kuala Lumpur sebagai tempat bagi simposium memperingati ulangtahun itu.

Secara berseloroh beliau berkata: "Meskipun Osaka adalah sejam mendahului Kuala Lumpur dan Bangkok pula sejam di belakang kami, anda boleh lihat bagaimana Kuala Lumpur selalunya bersetuju mengambil jalan tengah, memainkan peranan sebagai pengimbang dalam perkara-perkara besar atau kecil." -- BERNAMA

MK MR/SA RON ZK